

## Peniaga menipu, jual barang 'lelong kastam'

Oleh **NURFATEHA OTHMAN**

**BANDARAYA MELAKA 28 April**—Seorang penjual ikan dihukum penjara 24 bulan dan dua sebatan oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, atas dua pertuduhan menipu berbhubung penjualan telefon bimbit dan komputer riba yang kononnya 'barang lelongan kastam' dalam kejadian lapan tahun lepas.

Penjual ikan berkenaan, Muhammad Latif Othman, 44, berasal dari Taman Merak Mas Bukit Katil, dijatuhi hukuman berkenaan selepas mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan terbabit sejurus jurubahasa mahkamah selesai membacakan pertuduhan.

Semasa prosiding, pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa, Inspektor Rosli Rasi, sementara tertuduh diwakili peguam bela dari Jabatan Bantuan

Guaman Negeri Melaka, Yusliza Awal.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa memperdaya seorang individu, Rosdiadi Rami, 34, dengan menawarkan barangan 'lelongan kastam' iaitu sebuah komputer riba dan telefon bimbit yang sebenarnya tidak wujud hingga mendorong Rosdiadi menyerahkan wang tunai RM1,400 kepadanya.

Jenayah itu didakwa dilakukan tertuduh sekitar jam 10 pagi pada 15 Januari 2007 semasa berada di kilang Posshel, Batu Berendam.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa memperdaya Rosdiadi dengan tawaran yang sama hingga menyebabkan lelaki berkenaan menyerahkan RM1,400 lagi wang tunai kepada tertuduh pada jam 12.30 tengah hari pada 26 Februari 2007 semasa bera-

da di kilang Posshel, Batu Berendam.

Berikutan itu, tertuduh yang merupakan bekas pekerja kilang Posshel didakwa melakukan jenayah mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, sebatan dan denda.

Sementara itu, tertuduh yang berdiri di kandang tuduhan semasa pihak pendakwaan membaca dan mengemukakan fakta menganggu beberapa kali sebelum mengesahkan fakta kejadian.

Dalam pengakhiran, Majistret, Mohd. Asri Abd. Rahman Sidik menjatuhkan hukuman masing-masing penjara 12 bulan dan satu sebatan untuk pertuduhan pertama dan kedua atas kesalahan dilakukan tertuduh.

Tegas Mohd. Asri juga, kedua-dua pertuduhan berkenaan berjalan serentak.

## Curi beg tangan dalam surau janda dihukum

**BANDARAYA MELAKA 28 April**—Seorang wanita berstatus janda dihukum penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, pagi tadi atas dua tuduhan mencuri beg tangan dua wanita dalam dua surau sekitar bandar raya ini, pertengahan bulan ini.

Janda berkenaan, Roszaina Hamzah, 38 dari Merbok, Kedah dijatuhi hukuman berkenaan selepas Majistret, Ida Rahayu Sharif berpuas hati mendengar pertuduhan, fakta dan rayuan dikemukakan dari pihak pendakwaan dan tertuduh sendiri.

Tertuduh yang berdiri di kandang tuduhan semasa jurubahasa mahkamah membacakan pertuduhan menganggu fahaman kedua-dua tuduhan berkenaan sebelum terus membuat pengakuan bersalah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mencuri beg tangan kepunyaan Nur Adilah Abusin, 18 yang mengandungi sebuah telefon bimbit, jenama Vivo, yang tunai RM90 dan kad pengemulannya bernilai RM450.

Kesalahan itu dilakukan ter-

tuduh di surau dalam kawasan kompleks membeli-belah Dataran Pahlawan sekitar jam 2 petang pada 16 April lalu.

Pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama mencuri sebuah beg kain kepunyaan Adilah Asman, 20 yang mengandungi dompet berisi kad pengenalan, kad pelajar, kad ATM, telefon bimbit jenis Samsung Quatro, kamera jenis Nikon dan sebuah cermin mata yang kesemuanya bernilai RM1,000 pada jam 2.15 petang juga pada 16 April.

Bagi pertuduhan ini, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di surau Menara Taming Sari Jalan Merdeka, Banda Hilir.

Ekoran itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Dalam pengakhirannya, Ida Rahayu menjatuhkan hukuman penjara selama lapan bulan terhadap tertuduh bermula dari tertuduh ditangkap iaitu pada 16 April lepas.